

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2018

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak tahun 2009 hingga kini:-

- (a) berapakah jumlah pinjaman dan pelaburan KWSP kepada syarikat seperti 1MDB, FGV dan lain-lain syarikat yang bermasalah dan senaraikan syarikat-syarikat tersebut bersama jumlah pinjaman dari KWSP; dan
- (b) nyatakan progress pembayaran balik pinjaman-pinjaman syarikat tersebut dan berapakah pulangan keuntungan yang KWSP peroleh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah melanggan bon terbitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebanyak RM200 juta pada tahun 2009. Bon ini mempunyai profil risiko yang rendah kerana ia dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Sehingga kini, 1MDB memenuhi kesemua obligasi pembayaran balik keuntungan kepada KWSP mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan pada kadar 5.75% setahun.

Setakat 31 Disember 2017, Pengurus Dana Dalaman tiada pegangan di dalam saham FGV (Felda Global Ventures), manakala Pengurus Dana Luaran yang mempunyai strategi yang berbeza-beza, mempunyai pegangan di dalam saham FGV sebanyak 0.71% daripada jumlah saham diterbitkan.